

12 NOV 1997

Abdullah-Kongres

KABINET MEMBERI SOKONGAN PENUH KEPADA DR M

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- Kerajaan hari ini menyifatkan usaha membentangkan resolusi di Dewan Perwakilan Amerika Syarikat (AS) yang meminta Perdana Menteri memohon maaf ataupun meletakkan jawatan sebagai "masuk campur dalam proses demokratik negara ini".

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, semua Menteri Kabinet menyatakan sokongan kukuh mereka kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pemimpin negara ini dan mengiktiraf kebolehan beliau untuk menerajui negara.

"Saya tidak faham mengapa mereka perlu melakukannya (meminta Dr Mahathir meletakkan jawatan), ini betul-betul masuk campur dalam proses demokratik Malaysia. Siapa mereka untuk meminta Dr Mahathir meletakkan jawatan," kata beliau kepada pemberita selepas menutup simposium mengenai Islam dan Asia, di sini.

Seramai 34 anggota kongres AS dikatakan berusaha membentangkan usul yang dibuat oleh Robert Wexler, seorang ahli kongres Yahudi dari Florida yang mewakili parti Democrat. Usul itu dibuat kerana mereka mendakwa Dr Mahathir telah mengeluarkan kata-kata anti Yahudi.

Apabila ditanya sama ada Kabinet telah mencapai sebarang keputusan mengenai isu itu, Abdullah berkata: "Kita membincangkan isu itu dan bagi semua Menteri Kabinet, kita menyokong Dr Mahathir sebagai pemimpin kita dan percaya dalam kebolehan beliau untuk menerajui kita,"

Bagaimanapun kata beliau, tiada kenyataan rasmi mengenai isu itu.

Abdullah berkata, kerajaan Malaysia dipilih secara demokrasi dan rakyat Malaysia menyokong Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri.

Dr Mahathir telah menjelaskan yang beliau tidak membuat kenyataan anti Yahudi tetapi hanya berkata yang spekulator mata wang George Soros, yang secara kebetulan seorang Yahudi telah memusnahkan ekonomi Malaysia melalui serangan spekulatif terhadap ringgit.

Apabila ditanya mengenai isu Petronas, beliau berkata kerajaan telah membuat keputusan untuk tidak membenarkan siasatan terhadap syarikat petroleum kebangsaan itu oleh pihak berkuasa AS kerana urusan itu syarikat itu di Iran.

Pegawai-pegawai AS akan tiba di sini pada 18 Nov ini untuk menyiasat sama ada urusan niaga Petronas di Iran bercanggah dengan undang-undang AS yang "dikuatkuasa ke seluruh dunia". -- BERNAMA BERNAMA

NHD PR